Tinjauan Keseluruhan

Sama seperti pasaran kewangan serantau yang lain, pasaran kewangan Malaysia terus dipengaruhi oleh perkembangan global. Ketidakpastian berkaitan dengan perkembangan tarif Amerika Syarikat (AS), prospek pertumbuhan global dan ketegangan geopolitik telah menyumbang kepada peningkatan volatiliti dalam pasaran kewangan global. Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) dalam negeri meningkat sementara ke paras tertinggi pada bulan Mei 2025 sebelum menurun selepas itu. Peningkatan FMSI sebahagian besarnya mencerminkan volatiliti yang berkaitan dengan prestasi ringgit dan pasaran bon domestik yang positif. Keadaan pendanaan dan mudah tunai kekal menyokong pengantaraan kewangan sepanjang tempoh ini. Operasi mudah tunai bersasar oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan pengurangan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) daripada 2.00% kepada 1.00% yang berkuat kuasa pada 16 Mei 2025 telah membantu memastikan paras mudah tunai domestik yang mencukupi dalam persekitaran volatiliti pasaran kewangan yang lebih tinggi. Dalam pasaran pertukaran asing (*foreign exchange*, FX), ringgit sebahagian besarnya dipengaruhi oleh perkembangan luaran, dengan pengukuhan sebanyak 6.1% berbanding dengan dolar AS antara bulan Mac hingga September 2025.[1] Prospek ekonomi Malaysia yang menggalakkan dan pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan dijangka terus menyokong nilai ringgit.

Pada separuh pertama tahun 2025, sektor perniagaan kekal berdaya tahan, disokong oleh permintaan dalam negeri dan kegiatan ekonomi yang kukuh meskipun dalam keadaan ketidakpastian global dan kenaikan kos. Kesan semerta daripada tarif AS terhadap kestabilan kewangan dalam negeri adalah terhad susulan penangguhan tarif dan pengecualian tarif ke atas produk eksport utama. Walau bagaimanapun, tekanan kos yang berlarutan terus memberikan cabaran kepada perniagaan. Syarikat yang lebih besar berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi rintangan ini, disokong oleh kedudukan kewangan yang lebih kukuh berbanding dengan tahap sebelum pandemik. Sebaliknya, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mempunyai kesukaran sedia ada terus menghadapi cabaran untuk membayar balik pinjaman. Namun begitu, strategi pengurusan kos secara proaktif yang dilaksanakan merentas syarikat telah membantu dalam mengekalkan keupayaan mereka untuk membayar balik pinjaman. Hasilnya, kualiti kredit pinjaman perniagaan secara keseluruhan kekal utuh, dengan nisbah pinjaman terjejas dan bahagian pinjaman yang menunjukkan peningkatan risiko kredit (pinjaman Tahap 2) tidak berubah, masing-masing pada 3.1% dan 11.9%. Pada masa hadapan, pelaksanaan langkah-langkah dasar dalam negeri boleh memberi tekanan menaik terhadap kos operasi perniagaan. Walau bagaimanapun, harga input yang semakin menurun berikutan kos global yang terkawal dan strategi mitigasi yang sedang dilaksanakan oleh syarikat dijangka dapat mengurangkan kesan tersebut. Permintaan dalam negeri yang kukuh dan aktiviti pelaburan yang berterusan akan kekal menjadi asas utama yang menyokong perniagaan dalam persekitaran operasi yang mencabar ini.

Daya tahan isi rumah terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif. Hutang isi rumah berkembang pada kadar yang stabil, didorong terutamanya oleh pinjaman perumahan dan kereta, manakala kredit berasaskan penggunaan seperti pembiayaan peribadi dan kad kredit meningkat secara sederhana. Walaupun nisbah agregat hutang isi rumah kepada KDNK meningkat sedikit, keupayaan peminjam untuk membayar balik hutang kekal kukuh, disokong oleh standard pemberian pinjaman yang berhemat. Median nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) bagi pinjaman isi rumah yang baru diluluskan dan yang terkumpul adalah stabil, iaitu masing-masing pada 41% dan 33%. Skim beli sekarang bayar kemudian (*buy now pay later*, BNPL) terus berkembang pesat, meskipun jumlah pendedahan terkumpul kekal kecil pada tahap 0.2% daripada keseluruhan hutang isi rumah. Penubuhan Suruhanjaya Kredit Pengguna dijangka memperkukuh pengawasan pengawalseliaan BNPL dan penyedia kredit bukan bank yang lain. Secara keseluruhan, kualiti

[1] Data setakat 19 September 2025.

pinjaman isi rumah kekal kukuh, seperti yang dicerminkan oleh nisbah pinjaman terjejas yang stabil dan bahagian pinjaman isi rumah di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman yang semakin menurun. Walaupun terdapat tekanan kos sara hidup dan ketidakpastian luaran yang berterusan, tanda-tanda tekanan kewangan baharu dalam kalangan isi rumah kekal terhad. Bank-bank serta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) terus memantau kedudukan kewangan peminjam dan bersedia untuk memberikan sokongan apabila diperlukan.

Sistem perbankan kekal kukuh dan berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi kejutan serta menyokong pengantaraan kewangan dalam ekonomi. Permodalan bank-bank terus kukuh dengan nisbah jumlah modal sebanyak 18.2% dan lebihan penampan modal sebanyak RM138.9 bilion pada akhir bulan Jun 2025. Kedudukan pendanaan dan mudah tunai kekal mantap, dengan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) berada pada 160.5% dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) berada pada 115.7%. Keuntungan bank-bank disokong oleh pendapatan faedah yang lebih tinggi berikutan pertumbuhan pinjaman yang berterusan dan keuntungan daripada penilaian semula pertukaran asing susulan pengukuhan nilai ringgit. Kualiti aset kekal utuh dengan nisbah pinjaman terjejas kasar dan bahagian pinjaman Tahap 2 tidak berubah, masing-masing pada 1.4% dan 6.6%. Namun, bank-bank kekal berwaspada dan mengekalkan peruntukan berhemat, khususnya bagi peminjam dalam segmen lebih mudah terjejas yang juga berhadapan dengan tekanan kos yang berterusan.

Sektor insurans dan takaful kekal berdaya tahan, disokong oleh kedudukan modal dan mudah tunai yang teguh. Prestasi pelaburan bon dan pengunderaitan yang lebih baik membantu untuk meningkatkan keuntungan dana insurans dan takaful secara keseluruhan. Usaha pembaharuan untuk menangani inflasi perubatan terus dilaksanakan. Pada masa yang sama, insurans motor dan kebakaran mencatatkan kemajuan berterusan di bawah liberalisasi tarif, disokong oleh inisiatif bantuan tepi jalan digital (*digital roadside assistance*) yang sedang dilaksanakan. Pada masa hadapan, penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) akan berhadapan dengan risiko daripada volatiliti pasaran kewangan, kenaikan kos tuntutan motor dan perubatan serta kejadian berkaitan iklim yang lebih kerap. Namun begitu, ITO terus berada pada kedudukan yang baik untuk menguruskan risiko ini, disokong oleh nisbah kecukupan modal agregat yang kukuh pada paras 223% dan lebihan penampan modal sebanyak RM42 bilion.

Operasi sistem kewangan kekal berdaya tahan dalam persekitaran risiko yang berubah-ubah. Perlindungan sistem institusi kewangan yang diperkukuh telah mengurangkan gangguan teknologi, lantas menambah baik jangka waktu pengoperasian sistem (*system uptime*) dan pengalaman perkhidmatan pelanggan. Berikutan ancaman siber yang berterusan, institusi kewangan terus meningkatkan kewaspadaan siber dan keupayaan tindak balas masing-masing. Usaha ini menghasilkan langkah pembendungan dan pengurusan ancaman siber yang lebih berkesan dengan gangguan operasi yang minimum. Langkah-langkah pencegahan penipuan yang dipertingkatkan telah menyebabkan penipuan berkaitan dengan transaksi tanpa kebenaran (*unauthorised transactions*) menurun dalam industri. Walau bagaimanapun, kes penipuan dengan kebenaran (*authorised scams*) yang melibatkan kejuruteraan sosial mencatatkan peningkatan yang ketara. Sebagai tindak balas, BNM dan industri kewangan telah melaksanakan langkah-langkah pengesanan penipuan yang lebih kukuh dan memperluas usaha kesedaran dalam kalangan orang ramai. National Fraud Portal sedang dinaik taraf untuk mengesan transaksi yang mencurigakan dan melindungi mangsa dengan lebih baik. Bagi terus meningkatkan daya tahan siber industri kewangan, BNM juga akan menerbitkan dasar Pengurusan Risiko dalam Teknologi (Risk Management in Technology, RMiT) yang dikemas kini. Dasar ini bertujuan untuk meningkatkan standard ketersediaan perkhidmatan serta memperkukuh pertahanan siber merentas institusi kewangan dan penyedia perkhidmatan pembayaran.